



**Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran Program
Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar
(SLAAS) dan Program-Program Pendidikan
Alam Sekitar Bagi Tahun 2021**

Mesyuarat Penyelarasan Penganjuran Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) dan Program-Program Pendidikan Alam Sekitar Bagi Tahun 2021

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Yang Berusaha Tn Hj Rosli bin Zul

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

Yang Berusaha Dr. Mohd Suhaimi bin Mohammad Ali

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Dan hadirin yang turut sama di dalam mesyuarat kita pada petang ini.

Terima kasih saya ucapkan atas kelapangan tuan/ puan untuk turut sama bagi membincangkan kerjasama di antara pihak JAS dan JPN Negeri Perak.

2. Tujuan mesyuarat pada hari ini :-

- i) Membincangkan Pelaksanaan Program Sekolah Lestari Alam Sekitar di sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- ii) Melihat apakah bentuk kerjasama-kerjasama lain yang boleh dilaksanakan di antara pihak JAS dan JPN Negeri Perak di dalam usaha untuk memupuk atau menerapkan unsur semangat cintakan alam sekitar

Latar Belakang mengenai Sekolah Lestari Alam Sekitar

3. Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) – Anugerah Alam Sekitar adalah program yang dicetuskan semasa symposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan pada 27-30 Ogos 2001 di Melaka, yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) dengan kerjasama Maktab Perguruan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu.

4. Saya dimaklumkan program ini telah mula dilaksanakan dan diterapkan kepada sekolah-sekolah sejak Tahun 2005. Saya difahamkan SLAAS ini telah memasuki siri keenam pelaksanaannya. Program ini dinilai setiap dua tahun, di mana satu tahun promosi dan penyertaan dan tahun kedua adalah pelaksanaan dan penilaian.
5. Dan untuk penerangan selanjutnya, kita akan serahkan kepada pengarah JAS untuk penerangan program dan perancangan dan kita akan bincangkan bagaimana untuk dilaksanakan supaya sekolah dalam Negeri Perak dapat memenangi Anugerah Sekolah Lestari atau sekurang-kurangnya menjadi pemenang dalam mana-mana kategori.
6. Saya juga berharap supaya mesyuarat kita pada hari ini dapat membincangkan Kerjasama dalam program-program di antara JPN dan JAS.